

D746

U B422 AAB
MAHATHIR - MB

KUALA LUMPUR, 14 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMINTA AKHBAR-AKHBAR MENYERAHKAN KEPADA BELIAU UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH MENTERI BESAR SELANGOR, TAN SRI MUHAMMAD HAJI MUHAMAMAD TAIB EKORAN PERKAHWINANNYA SECARA SULIT DENGAN PUTERI SULTAN SELANGOR, TENGGU PUTERI ZAHARIAH, YANG MENIMBULKAN KEMURKAAAN BAGINDA.

+SAYA TIDAK AKAN MENYELESAIKAN PERKARA INI MELALUI AKHBAR KERANA SAYA FIKIR MASALAH INI TIDAK AKAN SELESAI KALAU SAYA BERBAHAS MELALUI AKHBAR,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI (MT) UMNO DI SINI.

PERDANA MENTERI MEMINTA SEMUA PIHAK MENYERAHKAN KEPADA BELIAU UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH KEDUDUKAN TAN SRI MUHAMMAD SEBAGAI MENTERI BESAR.

SULTAN SELANGOR SENDIRI PADA ISNIN LEPAS BERTITAH BAGINDA MENYERAHKAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR UNTUK MEMUTUSKAN KEDUDUKAN TAN SRI MUHAMMAD YANG SEDANG BERCUTI SELAMA SEBULAN DI LUAR NEGERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, SEKEMBALINYA DARIPADA PERSIDANGAN PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NAM) DI BELGRADE, BERKATA BELIAU MEMERLUKAN MASA UNTUK MENKGAJI MASALAH ITU SEPENUHNYA SERTA MEMIKIRKAN JALAN TERBAIK BAGI MENYELESAIKANNYA. -- LAGI.
1609MST 14 09 89

D748

U B426 AAB
MAHATHIR - MB 2 KUALA LUMPUR

SELEPAS MESYUARAT MT HARI INI, SEMASA DITANYA SAMA ADA MASALAH TAN SRI MUHAMMAD DIBINCANGKAN PADA MESYUARAT ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA= +BANYAK LAGI CERITA LAIN YANG BOLEH DISIARKAN, TIDAK PAYAHLAH LAGI CERITA INI (MB) DIBUAT HARI-HARI.+

BELIAU BERKATA, BELIAU BERPENDAPAT PERKARA YANG BERLAKU DI SELANGOR ITU TELAH DIBERI PENDEDAHAN YANG BERLEBIHAN DI AKHBAR-AKHBAR.

+PERKARA INI BUKANNYA SATU PERKARA YANG MENJADI TRAGEDI NEGARA ATAU APA-APA...TETAPI AKHBAR-AKHBAR NAMPAKNYA SANGAT BERMINAT DENGAN PERKARA INI.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MASALAH TAN SRI MUHAMMAD TIDAK DIBINCANGKAN PADA MESYUARAT HARI INI KERANA SEMUA ANGGOTA MT MENYERAHKAN KEPADA BELIAU UNTUK MENYELESAIKANNYA.

KATANYA, PERWAKILAN UMNO SELANGOR YANG BERJUMPA DENGAN BELIAU SEMALAM, JUGA MENYERAHKAN KEPADANYA UNTUK MENYELESAIKAN PERKARA ITU.
-- BERNAMA.

1613MST 14 09 89